

SULIT



UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

**PEPERIKSAAN AKHIR
SEMESTER II
SESI 2012/2013**


- NAMA KURSUS** : KENEGARAAN DAN
PEMBANGUNAN MUTAKHIR
MALAYSIA
- KOD KURSUS** : UWS10103 / UMS1113
- PROGRAM** : BBB/BBC/BBD/BBE/BBF/BDD/BEB/
BEC/BED/BEF/BEH/BEU/BFF/BIM/
BIS/BIT/BIW/BNB/BND/BNK/BNL/
BNN/BPA/BPB/BPC/BPD
- TARIKH PEPERIKSAAN** : JUN 2013
- JANGKA MASA** : 2 JAM 30 MINIT
- ARAHAN** : 1) JAWAB SEMUA SOALAN
PADA BORANG OMR YANG
DISEDIAKAN
2) DILARANG MEMBAWA
SOALAN INI KELUAR

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI DUA PULUH LIMA (25) MUKA SURAT

SULIT

- S1** Empayar Kesultanan Melayu Melaka telah diasaskan oleh seorang putera raja Palembang bernama Parameswara yang telah membawa diri setelah diserang oleh
- A Kerajaan Perlak
 - B Kerajaan Sailendra
 - C Kerajaan Majapahit
 - D Kerajaan Samudera-Pasai
- S2** Nama Melaka adalah bersempena dengan
- A nama anjing buruan Parameswara
 - B pokok tempat Parameswara bersandar
 - C nama lokasi di mana berlakunya peristiwa pelanduk menendang anjing
 - D nama sungai yang mengalir berdekatan dengan tempat istirahat Parameswara
- S3** Melaka sebelum dibangunkan oleh Parameswara merupakan
- A tempat persinggahan para pedagang ke utara
 - B sebuah pelabuhan entreport terkenal di peringkat dunia
 - C sebuah perkampungan kecil nelayan yang dikenali sebagai Pulau Lima
 - D lokasi aktiviti pertanian dan perhutanan yang menjadi sumber kepada penduduk setempat
- S4** Keluasan Empayar Kesultanan Melayu Melaka adalah merangkumi
- A Jambi, Siak dan Bangka
 - B Inderagiri, Jambi dan Siak
 - C Patani, Lingga dan Inderapura
 - D Inderagiri, Palembang dan Aceh
- S5** Dari aspek politik dan pentadbiran, Kerajaan Kesultanan Melayu Melaka mendapat pengiktirafan daripada negeri China yang dibuktikan oleh
- A pengutusan Hang Tuah ke China
 - B persalinan diraja kepada Maharaja China
 - C lawatan perutusan China oleh Yin Ching pada 1403 M
 - D penghantaran Laksamana Ming Ho ke Melaka pada tahun 1409 M

Soalan 6 hingga 8 berdasarkan Rajah 1



Rajah 1

S6 Abjad X dan Y dalam rajah di atas diwakili oleh

- A X = Golongan Istana dan Y = Golongan Rakyat
- B X = Golongan Kepimpinan dan Y = Golongan Marhein
- C X = Golongan Pemerintah dan Y = Golongan Diperintah
- D X = Golongan Bangsawan dan Y = Golongan Merdeheka

S7 Pilih padanan yang tepat bagi mewakili P, Q dan R

- A P = Negeri, Q = Daerah dan R = Kampung
- B P = Daerah, Q = Kampung dan R = Negeri
- C P = Kampung, Q = Negeri dan R = Daerah
- D P = Negeri, Q = Kampung dan R = Daerah

S8 Abjad S dan T diwakili oleh

- A S = Para Pembesar dan T = Rakyat Biasa
- B S = Para Bangsawan dan T = Rakyat Biasa
- C S = Para Pemerintah dan T = Golongan Diperintah
- D S = Para Bangsawan dan T = Golongan Diperintah


S9 Apakah yang dapat disimpulkan terhadap fungsi Empayar Kesultanan Melayu Melaka sebagai pusat pentadbiran ?

- A Raja merupakan individu yang mewakili Tuhan di muka bumi
- B Penggunaan konsep raja sebagai ketua kerajaan telah bertukar kepada sultan selepas pengaruh Islam
- C Raja berkuasa mutlak yang bermakna keputusan baginda mesti disahkan oleh para pembesar istana sebelum dilaksanakan
- D Konsep taat setia, tulus, daulat, derhaka serta nobat diperkenalkan dalam pentadbiran bagi mengukuhkan institusi pembesar

S10 Bagi mewujudkan ekonomi lebihan, Kerajaan Kesultanan Melayu Melaka telah memperkenalkan sistem

- A cukai pendapatan dan cukai perdagangan
- B pengawalan hasil keluaran perlombongan
- C matawang bagi menggantikan sistem barter
- D kerahan tenaga bagi tujuan pembukaan petempatan baru

Soalan 11 berdasarkan Peta 1




Peta 1

S11 Pilih pernyataan yang sesuai dengan Peta 1

- A Pelbagai dagangan luar dibawa masuk ke Melaka
- B Kegemilangan Melaka dikaitkan dengan faktor semulajadinya
- C Kedatangan Islam telah memberi impak kepada pentadbiran Melaka sumber kekayaan serantau
- D Kejatuhan Melaka berpunca daripada kurangnya pengawalan keluar masuk pedagang dari timur juga barat

Soalan 12 berdasarkan kepada Gambar 1



Gambar 1

- S12 Apakah pernyataan yang paling tepat dapat disimpulkan tentang kekalahan Melaka kepada Portugis berdasarkan Gambar 1 ?
- A Melaka kalah kerana rasuah dan perdagangan yang merosot
 - B Melaka kalah berpunca daripada pengkhianatan rakyat asing
 - C Melaka kalah kerana tiadanya perpaduan kaum dalam kalangan rakyatnya
 - D Melaka kalah kerana tiadanya kekuatan teknologi berbanding dengan Portugis
- S13 Berikut merupakan reaksi terhadap penubuhan Malaysia **kecuali**
- A kerajaan Filipina telah mengemukakan tuntutan ke atas Sabah
 - B Sultan Brunei memikirkan negara Brunei adalah sebuah negara yang memerlukan perlindungan
 - C Parti Komunis Indonesia memainkan peranan mempengaruhi pandangan Indonesia terhadap penubuhan Malaysia
 - D tuntutan mahkamah daripada Kerajaan Negeri Kelantan mengecualikan negeri tersebut daripada berada di bawah pemerintahan Malaysia
- S14 Jawatankuasa Antara Kerajaan (JAK) telah dibentuk pada Ogos 1962.
- Persetujuan yang telah dicapai oleh JAK adalah
- A mengadakan pungutan suara untuk rakyat Singapura
 - B menubuhkan lima jawatankuasa kecil di bawah JAK untuk mengkaji perlembagaan, kewangan dan perundangan
 - C melantik Jawatankuasa Perundingan Perpaduan Malaysia untuk mendapatkan persetujuan pemimpin Sabah, Sarawak dan Singapura
 - D menubuhkan Suruhanjaya Cobbold bagi meninjau dan mengkaji pandangan penduduk Sabah dan Sarawak tentang pembentukan Malaysia

- S15** Berikut merupakan fakta yang benar tentang penubuhan Malaysia **kecuali**
- A pendapat penubuhan Malaysia telah disuarakan oleh Tan Sri Ghazali Shafie
 - B Kerajaan Australia telah memberikan sokongan terhadap cadangan penubuhan Malaysia
 - C keseimbangan kaum akan tercapai melalui pencantuman Tanah Melayu dan Singapura
 - D taraf hidup bumiputera Sabah dan Sarawak akan ditingkatkan melalui penubuhan Malaysia

Soalan 16 berdasarkan Pernyataan 1

Suruhanjaya Cobbold telah dibentuk bagi meninjau dan mengkaji pandangan penduduk Sabah dan Sarawak tentang penubuhan Persekutuan Malaysia.

Pernyataan 1

- S16** Persetujuan yang telah dicapai oleh suruhanjaya tersebut adalah meliputi
- I Bahasa Melayu menjadi bahasa kebangsaan di kedua-dua negeri
 - II pengurusan hal ehwal agama diserahkan kuasa kepada kerajaan pusat
 - III Kerajaan Sabah dan Sarawak diberikan kuasa menentukan kemasukan orang luar dari Sabah dan Sarawak
 - IV perlembagaan yang menjadi asas penubuhan Malaysia ialah Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957
- A I dan II
 - B I, II dan III
 - C I, III dan IV
 - D II, III dan IV

Soalan 17 berdasarkan Pernyataan 2

Persekitaran politik negara serantau yang terdedah kepada ancaman komunis tidak menyediakan Tanah Melayu berada dalam suasana yang sihat

Pernyataan 2

- S17 Pernyataan di atas adalah berkait rapat dengan
- A penubuhan MAPHILINDO pada 30 Julai 1963
 - B penyertaan Tanah Melayu dalam COMMONWEALTH
 - C pengisytiharan keluar Singapura daripada Persekutuan Malaysia
 - D penubuhan Malaysia pada 16 September 1963 yang menyatukan Sabah, Sarawak dan Singapura dengan Tanah Melayu
- S18 Faktor berikut merupakan pendorong kepada penubuhan Malaysia **kecuali**
- A kemerdekaan segera
 - B keseimbangan kaum
 - C tentangan terhadap MPAJA
 - D peningkatan taraf hidup bumiputera Sabah dan Sarawak
- S19 Manakah antara berikut merupakan fakta yang tidak benar tentang penyertaan Singapura dalam Malaysia ?
- A Seramai 15 orang perwakilan bersetuju di Dewan Rakyat Singapura
 - B Parti Barisan Sosialis menentang hebat penyertaan Singapura ke dalam Malaysia
 - C Sejumlah 71% rakyat Singapura bersetuju dengan penyertaan Singapura ke dalam Malaysia
 - D Pihak kerajaan Singapura telah mengeluarkan satu Kertas Hitam sebagai panduan bagi menggariskan pencantuman tersebut
- S20 Kemerdekaan bermaksud perkara berikut **kecuali**
- A tidak bergantung pada orang lain
 - B tidak dijajah dari segi fizikal dan mental
 - C bebas daripada penghormatan dan keyakinan
 - D bebas untuk bertindak untuk kepentingan bangsa
- S21 Pilih susunan yang benar tentang proses ke arah kemerdekaan Tanah Melayu
- A Malayan Union => Sistem Ahli => Suruhanjaya Reid
 - B Sistem Ahli => Pilihanraya Persekutuan => Suruhanjaya Reid
 - C Suruhanjaya Reid => Sistem Ahli => Pilihanraya Persekutuan
 - D Malayan Union => Persekutuan Tanah Melayu => Sistem Ahli

- S22** Mengapakah Malayan Union ditentang oleh orang Melayu ?
- A Hak kewarganegaraan secara kuatkuasa undang-undang
 - B Malayan Union menyatukan NNS, NNMB dan NNMTB
 - C Sultan diberi penghormatan tentang adat istiadat dan agama sahaja
 - D Wujud penentangan daripada orang Cina dan India yang berada di Tanah Melayu

- S23** Apakah tujuan Sistem Ahli diperkenalkan pada tahun 1951?
- A Memberi latihan kepada pemimpin tempatan untuk mentadbir negara
 - B Memberi kuasa sepenuhnya kepada pemimpin tempatan untuk mentadbir Tanah Melayu
 - C Menubuhkan beberapa jabatan yang diserahkan kepada pemimpin tempatan untuk menentukan hala tuju pentadbiran
 - D Memberi pengalaman kepada pemimpin tempatan untuk mengurus tadbir ke arah penerusan pentadbiran British di Tanah Melayu

- S24** Berikut merupakan pernyataan yang benar tentang Pilihanraya Majlis Tempatan pada tahun 1951 **kecuali**
- A pilihanraya dimulakan di Pulau Pinang pada tahun 1951
 - B Parti Radikal telah memenangi 6 daripada 9 kerusi di Pilihanraya Ipoh
 - C Parti Perikatan telah memenangi 9 daripada 12 kerusi di Pilihanraya Kuala Lumpur
 - D pilihanraya diadakan untuk memperkenalkan sistem demokrasi berparlimen kepada rakyat Tanah Melayu

- S25** Suruhanjaya Reid ditubuhkan untuk merangka Perlembagaan Tanah Melayu yang merdeka.

Keanggotaan suruhanjaya ini adalah terdiri daripada individu berikut iaitu

- I B. Malik
 - II Sir Ivor Jennings
 - III Sir William Mackell
 - IV Hakim Abdul Hamid
-
- A I dan II
 - B I, II dan III
 - C I, III dan IV
 - D Semua di atas

Soalan 26 merujuk kepada Pernyataan 3

Kerajaan sebagai lembaga yang mempunyai kewibawaan yang sah dalam merancang dan melaksanakan dasar-dasar bagi pembangunan sebuah negara

Pernyataan 3

S26 Pernyataan di atas merujuk kepada takrifan

- A Mac Iver
- B David E. Apter
- C Tun Salleh Abas
- D Syed Ahmad Hussein

S27 Elemen mercu tanda kedaulatan terdiri daripada

- A kuasa, hak, merdeka, maruah
- B kuasa, merdeka, maruah, autoriti
- C kuasa, autoriti, autonomi, mutlak
- D kuasa, maruah, autoriti, autonomi

S28 Siapakah yang memiliki kuasa tertinggi dalam pemerintahan negara?

- A Perdana Menteri
- B Majlis Raja-Raja
- C Yang di-Pertuan Agong
- D Perlembagaan Persekutuan

Soalan 29 berdasarkan Pernyataan 4

Guiza merupakan seorang individu yang berasal dari Sepanyol. Beliau telah bekerja dan menetap di Malaysia selama 10 tahun tanpa kembali ke negara asal sejak dari usianya 21 tahun. Beliau fasih berbahasa Melayu dan tidak terlibat dalam aktiviti kurang sihat. Beliau bercadang untuk menetap di Malaysia dan telah mengemukakan permohonan menjadi warganegara Malaysia.

Pernyataan 4


S29 Kewarganegaraan yang diperolehi adalah melalui

- A suaka
- B naturalisasi
- C pendaftaran
- D penguatkuasaan undang-undang

S30 Apakah bidang tugas kuasa perundangan dalam doktrin pengasingan kuasa?

- A Mengadili dan mentafsir undang-undang
- B Membuat dan menggubal undang-undang
- C Melaksanakan dan menguatkuasakan undang-undang
- D Membuat, menggubal dan mengadili undang-undang

Soalan 31 berdasarkan Rajah 2



Rajah 2

S31 Tanda X dalam Rajah 2 di atas merujuk kepada

- A makmur
- B melindungi rakyat
- C membina imej dan jati diri
- D kestabilan semasa dan akan datang

S32 Berikut merupakan tanggungjawab kerajaan terhadap rakyat dalam konteks bernegara **kecuali**

- A bantuan rakyat 1Malaysia
- B mentadbir dan menjaga keamanan
- C melaksanakan peraturan dan dasar
- D memastikan sistem politik dan sosial berjalan lancar

- S33** Berikut ialah perkara-perkara yang boleh menyebabkan kewarganegaraan seseorang dilucutkan **kecuali**
- A tidak setia kepada raja dan negara
 - B menolak kewarganegaraan secara sukarela
 - C permohonan kewarganegaraan dibuat dengan maklumat palsu
 - D ibu bapa individu tersebut telah dilucutkan kewarganegaraan mereka

Soalan 34 berdasarkan Pernyataan 5

“Memang ada kes guru tidak datang mengajar kerana trauma, namun keadaan telah pulih dan mereka telah kembali bertugas seperti biasa setelah lima orang kaunselor dihantar untuk membantu guru yang trauma ekoran daripada insiden tersebut”

Dr Mohd Puad Zarkashi, Timbalan Menteri Pelajaran.
(dipetik Berita Harian 1 April 2013 : Pencerobohan Lahad Datu)

Pernyataan 5

- S34** Apakah tanggungjawab yang dimainkan oleh kerajaan terhadap warganegara berdasarkan kes di atas?
- A Menjaga kebajikan rakyat
 - B Melaksanakan peraturan dan dasar
 - C Mentadbir dan menjaga keamanan
 - D Memastikan sistem politik dan sosial berjalan lancar
- S35** Berikut merupakan organisasi yang wujud di bawah sistem pentadbiran kerajaan persekutuan **kecuali**
- A Jabatan Perdana Menteri
 - B Jabatan Saliran dan Tali Air
 - C Jabatan Kewangan Persekutuan
 - D Jabatan Kebajikan Islam Malaysia
- S36** Kaedah merekrut buruh dengan mengambil kaum keluarga atau penduduk setempat dari India bagi bekerja di ladang getah Tanah Melayu merujuk kepada
- A Sistem Kangcu
 - B Sistem Kangany
 - C Sistem Kompilasi
 - D Sistem Kerah dan Perintah

- S37** Perkara-perkara berikut terletak dalam bidang kuasa Kerajaan Persekutuan **kecuali**
- A perhubungan luar
 - B hak kewarganegaraan
 - C undang-undang tanah
 - D undang-undang jenayah
- S38** Fungsi Rukun Tetangga adalah membendung dan membantu pihak berkuasa membanteras jenayah dan gejala sosial di kawasan
- A perumahan
 - B perkilangan
 - C perladangan
 - D persekolahan
- S39** Media boleh memainkan peranan penting dalam memupuk semangat muhibah dalam kalangan rakyat pelbagai kaum melalui program
- A realiti tv
 - B iklan komersil
 - C drama kemasyarakatan
 - D pertandingan nyanyian lagu hiburan
- S40** Rakyat digalakkan mengibarkan Jalur Gemilang semasa sambutan bulan kemerdekaan pada
- A Jun dan Julai
 - B Julai dan Ogos
 - C Ogos dan September
 - D September dan Oktober
- S41** Maksud pembangunan modal insan yang tepat merujuk kepada
- A mempelbagaikan kebolehan manusia
 - B memperkembangkan tahap kompetensi insan
 - C menyediakan segala kemudahan untuk manusia
 - D memperkasakan insan sebagai individu dan juga anggota masyarakat

- S42** Apakah peranan anda sebagai mahasiswa UTHM dalam memahami dan menghayati aspirasi negara bagi menjayakan konsep gagasan 1Malaysia?
- I Mengamalkan integriti dan nilai murni di dalam kehidupan seharian
 - II Bekerjasama dan berbaik sangka dengan semua rakan walaupun berlainan etnik
 - III Menutup minda pada maklumat yang difikirkan boleh merosakkan keamanan dan keharmonian negara
 - IV Membantu pihak-pihak tertentu meluaskan anasir-anasir negatif dengan motif untuk merosakkan hubungan kaum di Malaysia
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C III dan IV
 - D I, II dan III
- S43** Peranan utama sebagai seorang warganegara ialah
- A mengenali diri serta mencintai diri dan masyarakat
 - B mewujudkan masyarakat yang mempunyai daya kompetensi
 - C bersemangat waja, hidup bermasyarakat dengan penuh keharmonian
 - D memahami dan menghargai usaha-usaha negara dalam kemajuan dan pembangunan
- S44** Berikut merupakan fakta yang benar ekoran daripada pembubaran Malayan Union **kecuali**
- A meningkatnya kesedaran untuk memerintah negara sendiri
 - B meningkatkan tahap perpaduan dalam kalangan masyarakat Melayu
 - C lahir sikap terbuka untuk menerima kemasukan warga asing sebagai warganegara
 - D lahirnya Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO) hasil pimpinan Dato' Onn Jaafar
- S45** Mengapakah tahap perpaduan yang tinggi diperlukan dalam proses kelangsungan pembangunan negara?
- A Mewujudkan kestabilan politik, ekonomi dan sosial negara
 - B Membina masyarakat Malaysia yang berjiwa bebas dan tenteram
 - C Menjadikan Malaysia benar-benar maju dalam sains dan teknologi
 - D Mewujudkan masyarakat Malaysia yang bersifat liberal dan bertoleransi

S46 Konsep imperialisme merujuk kepada

- A berjuang untuk mengawal wilayah jajahan dan masyarakat sendiri
- B mengamalkan dasar pemerintahan untuk peluasan kuasa wilayah sendiri
- C penguasaan ke atas wilayah asing dengan berbagai kaedah untuk kepentingan tertentu
- D pemerintahan ke atas tanah jajahan sendiri untuk penerusan kuasa pemerintahan

Soalan 47 dan 48 berdasarkan Jadual 1

Jadual 1

	Kuasa	Tempoh Jajahan
A	Belanda	16 Januari 1641 – 20 Mac 1824
B	British	20 Mac 1824 – 8 Disember 1941
C	Jepun	8 Disember 1941 – 5 September 1945
D	British	5 September 1945 -31 Ogos 1947
E	Portugis	20 Ogos 1511 – 16 Januari 1641

S47 Padanan kuasa imperialisme di Tanah Melayu dan tempoh penjajahan berikut adalah benar **kecuali**

- A Belanda = 16 Januari 1641 – 20 Mac 1824
- B Portugis = 20 Ogos 1511 – 16 Januari 1641
- C British = 5 September 1945 -31 Ogos 1947
- D Jepun = 8 Disember 1941 – 5 September 1945

S48 Pilih susunan yang betul mengikut kronologi bagi pertapakan kuasa imperialisme di Tanah Melayu selepas kejatuhan Kerajaan Kesultanan Melayu Melaka

- A E -- A -- B -- C -- D
- B E -- D -- C -- B -- A
- C A -- E -- B -- C -- D
- D A -- E -- D -- C -- B

S49 Penjajah Jepun telah berjaya ke selatan Tanah Melayu dalam jangka masa tujuh puluh hari disebabkan oleh

- A Jepun mengiktiraf hak raja-raja Melayu
- B kecekapan perisikan Jepun dan bantuan dari penduduk tempatan
- C Tanah Melayu ditadbir oleh sistem pemerintahan Malayan Union
- D Tanah Melayu ditadbir di bawah tiga sistem pentadbiran yang berbeza iaitu NNS, NNMB dan NNMTB

Soalan 50 berdasarkan Jadual 2

Jadual 2

Penjajah	Tahun dan Ciri Utama
British	1945 - Majlis Penasihat Agama diketuai oleh Raja Melayu - Rakyat British tetapi tidak mendapat kerakyatan Tanah Melayu
Jepun	1945 - Raja Melayu berhak terhadap hal ehwal agama dan pentadbiran Tanah Melayu - Menindas kaum Cina dan memelihara kaum Melayu
British	1946 - Majlis Penasihat Agama diketuai oleh Gabenor British - Rakyat British tetapi mendapat kerakyatan Tanah Melayu
Jepun	1946 - Raja Melayu hanya berhak terhadap hal ehwal agama sahaja - Menindas kaum Cina dan Melayu, memelihara kaum India untuk peluasan kuasa di negara India

S50 Pilih padanan penjajah dan tahun yang menunjukkan konsep dan ciri utama Malayan Union

- A Jepun, 1945
- B Jepun, 1946
- C British, 1945
- D British, 1946

S51 Malayan Union telah mendapat tentangan hebat dari orang Melayu kerana

- I hak kedaulatan Raja-raja Melayu dipindahkan kepada Raja England
- II Raja-raja Melayu masih mempunyai kuasa terhadap hal ehwal agama Islam
- III golongan imigran turut menikmati keistimewaan penduduk Tanah Melayu dan Bumiputera
- IV Sir Harold Mac Michael menggunakan ugutan untuk mendapatkan persetujuan daripada raja-raja Melayu

- A I, II dan III
- B I, II dan IV
- C I, III dan IV
- D Semua di atas

S52 Tunku Abdul Rahman Putra Al Haj telah menukar konsep perjuangan 'Hidup Melayu' kepada konsep 'Merdeka' dengan membentuk sebuah Parti Perikatan yang dianggotai oleh

- I Malayan Indian Congress
- II Malayan Chinese Association
- III Communities Liaison Committee
- IV United Malays National Organization

- A I, II dan III
- B I, II dan IV
- C I, III dan IV
- D Semua di atas

Soalan 53 berdasarkan Pernyataan 6

Sejarahnya bermula ketika Vasco da Gama dari Portugis berlayar ke India pada tahun 1482 untuk mencari sumber rempah ratus. Kemudian kuasa-kuasa dari barat Portugis dan Sepanyol diikuti Inggeris dan Belanda turut melakukan aktiviti yang sama untuk menguasai aktiviti tersebut. Penguasaan wilayah yang awalnya untuk kepentingan ekonomi (rempah ratus) mula berubah menjadi penguasaan dan penjajahan politik seperti menyelesaikan pertikaian dan perang saudara yang berlaku.

Pernyataan 6

S53 Konsep berhubung Pernyataan 6 di atas merujuk kepada

- A imperialisme
- B kolonialisme
- C revolusi industri
- D penguasaan wilayah

S54 Perjanjian London telah berjaya mencapai beberapa persetujuan seperti berikut **kecuali**

- A Tanah Melayu perlu menjalankan pemerintahan secara monarki
- B British mendapat hak menempatkan tenteranya di Tanah Melayu
- C sebuah badan bebas ditubuhkan bagi menggubal perlembagaan Tanah Melayu
- D Kerajaan British akan memberikan kemerdekaan kepada Malaysia pada 31 Ogos 1957

Soalan 55 berdasarkan Jadual 3

Jadual 3

Simbol	Peristiwa
V	Sistem Ahli
W	Malayan Union
X	Suruhanjaya Reid
Y	Pilihanraya Persekutuan
Z	Pengisytiharan Kemerdekaan

S55 Susun peristiwa di atas mengikut kronologi

- A V, W, X, Y dan Z
- B W, X, Y, Z dan V
- C V, X, Y, W dan Z
- D W, V, Y, X dan Z

Soalan 56 berdasarkan Pernyataan 7

Ah Seng dan Ramasamy akur bahawa Ahmad, Kamal dan Lucas ak Balai mempunyai hak keistimewaan mereka di Tanah Melayu selain mengakui kedudukan agama Islam, kedudukan Raja-raja Melayu dan bahasa Melayu di Tanah Melayu sementara Ahmad, Kamal dan Lucas ak Balai juga akur dengan taraf kewarganegaraan yang dimiliki oleh Ah Seng dan Ramasamy di Tanah Melayu.

Pernyataan 7

S56 Situasi di atas merujuk kepada konsep

- A Jus Soli
- B tolak ansur
- C perlembagaan
- D kontrak sosial

Soalan 57 berdasarkan Pernyataan 8

Ramlee dan rakan-rakan dipaksa bekerja sebagai buruh paksa. Pada masa yang sama Ah Meng, Kim Lee dan masyarakat mereka ditindas. Penindasan yang berlarutan menyebabkan ekonomi mula merosot dan nilai matawang jatuh. Keadaan ini juga menyebabkan percetakan matawang pokok pisang tidak terkawal. Kesengsaraan yang dialami oleh penduduk dan masyarakat setempat ketika itu menyebabkan lahirnya semangat nasionalisme dan akhirnya timbul kesedaran untuk mereka menuntut kemerdekaan

Pernyataan 8

S57 Situasi di atas merujuk kepada implikasi penjajahan di Tanah Melayu oleh

- A Jepun
- B British
- C Belanda
- D Sepanyol

S58 Antara prinsip utama dalam Islam Hadhari ialah

- I rakyat yang berjiwa merdeka
 - II penguasaan ilmu pengetahuan
 - III pemeliharaan alam semulajadi
 - IV pembelaan hak dan kumpulan majoriti dan wanita
- A I, II dan III
 - B I, III dan IV
 - C II, III dan IV
 - D Semua di atas

Soalan 59 berdasarkan Jadual 4

Jadual 4

Simbol	Konsep	Idea
X	1Malaysia	Perdana Menteri Malaysia ke-5
Y	Islam Hadhari	Perdana Menteri Malaysia ke-3
Z	Wawasan 2020	Perdana Menteri Malaysia ke-4

S59 Padanan berikut adalah benar **kecuali**

- A X dan Y
- B Y dan Z
- C X sahaja
- D Y sahaja

Soalan 60 dan 61 berdasarkan Jadual 5

Jadual 5

Konsep X	1Malaysia
Menekankan pembentukan negara bangsa iaitu kehidupan bernegara di mana rakyatnya tidak didefinisikan melalui kaum, keturunan atau warna kulit.	Matlamat Y

S60 Konsep X di atas merujuk kepada

- A Wawasan 2020
- B Dasar Ekonomi Baru
- C Transformasi Pembangunan
- D Dasar Pembangunan Negara

S61 Matlamat Y di atas merujuk kepada

- A menghilangkan pengenalan kaum berdasarkan fungsi ekonomi
- B melahirkan masyarakat yang berjiwa bebas, teguh dan berkeyakinan
- C melahirkan masyarakat yang seimbang dari segi rohani dan jasmani
- D menekankan kewujudan kerajaan yang mengutamakan keperluan rakyat

Soalan 62 berdasarkan Pernyataan 9

Dalam usaha mencapai hasrat tersebut, negara perlu menyusun mekanisme yang mampu melahirkan masyarakat yang berkeyakinan selain bersatu padu sama ada secara intra mahu pun inter etnik bagi tujuan pembentukan bangsa Malaysia yang kukuh.

Pernyataan 9

S62 Berikut merupakan di antara cabaran dalam

- A 1Malaysia
- B Islam Hadhari
- C Rukun Negara
- D Wawasan 2020

Soalan 63 berdasarkan Pernyataan 10

Slogan 'Rakyat Didahulukan dan Pencapaian Diutamakan' yang diperkenalkan oleh Dato' Seri Najib Tun Razak pada 2 April 2009 merupakan kesinambungan visi bagi mempromosikan perpaduan dan menekankan kemajuan negara.

Pernyataan 10

- S63** Antara strategi yang disusun untuk mencapai hasrat di atas adalah seperti berikut **kecuali**
- A meningkatkan modal insan yang berkemahiran tinggi
 - B menggalakkan penyelidikan, pembangunan dan pengkomersilan
 - C menggilap kemahiran tenaga kerja dan memperkasa institusi pengajian tinggi swasta
 - D memperkasa prasarana luar bandar dan pedalaman serta menambah baik sistem pengangkutan awam

Soalan 64 berdasarkan Pernyataan 11

Aminah dan Stacy ak Libas kini berpeluang mengikuti kursus kemahiran yang dianjurkan oleh KEMAS untuk memperbaiki taraf hidupnya bersama anak-anak. Pada masa yang sama, mereka turut berpeluang dan layak mendapat pembiayaan dan bimbingan dari TEKUN dan Bank Simpanan Nasional untuk menjalankan perniagaan membuat kek lapis Sarawak.

Pernyataan 11

- S64** Pernyataan di atas merujuk kepada prinsip
- A melaksanakan inisiatif penswastaaan
 - B membela hak kumpulan minoriti dan wanita
 - C membentuk masyarakat yang adil ekonominya
 - D memantapkan sistem perbankan dan kewangan

S65 Prinsip-prinsip yang digunakan untuk memperkukuhkan perpaduan dalam konsep 1Malaysia adalah seperti berikut

- I membela nasib semua kaum tanpa meminggirkan mana-mana pihak
- II memperkasa semangat patriotik dan nasionalis sebagai tanda cintakan negara
- III mewujudkan pelbagai mekanisme dalam memacu pembangunan ekonomi negara
- IV menerima keunikan rakyat yang berbilang kaum agar dapat hidup secara harmonis

- A I, II dan III
- B I, II dan IV
- C I, III dan IV
- D Semua di atas

S66 Wawasan 2020, Islam Hadhari dan 1Malaysia mempunyai satu konsep yang sama iaitu di akhirnya akan dapat

- I melahirkan satu bangsa yang matang dalam berfikir dan kehidupan
- II melahirkan satu bangsa yang holistik dan mengamalkan nilai-nilai murni
- III mempunyai tahap pembangunan yang mensejahterakan rakyat dan Negara
- IV mempunyai pembangunan fizikal yang seimbang dengan pementapan spiritual

- A I, II dan III
- B I, II dan IV
- C II, III dan IV
- D Semua di atas

Soalan 67 berdasarkan Pernyataan 12

Dibentuk berasaskan kepercayaan, keyakinan dan iltizam untuk membentuk satu jati diri rakyat Malaysia yang unggul telah digubal oleh Majlis Perundangan Negara berasaskan tujuan menyemai dan memupuk integrasi nasional dan perpaduan kaum ekoran Peristiwa 13 Mei 1969.

Pernyataan 12

S67 Pernyataan di atas merujuk kepada penggubalan

- A 1Malaysia
- B Islam Hadhari
- C Rukun Negara
- D Wawasan 2020

S68 Frasa 'rakyat hendaklah taat setia kepada Yang di-Pertuan Agong dan negara' merujuk kepada prinsip Rukun Negara yang

- A ketiga
- B kedua
- C pertama
- D keempat

S69 Wawasan 2020 memerlukan jangka masa selama 30 tahun untuk dicapai bermula dari tahun 1991 sehingga tahun 2020 dan termasuk di dalam

- A RRJP 1
- B RRJP 2
- C RRJP 3
- D RRJP 4

Soalan 70 berdasarkan Pernyataan 13

Rakyat hendaklah mengamalkan nilai-nilai positif seperti jujur, amanah dan berakomodatif selain berakhlak mulia untuk mewujudkan semangat kekitaan.

Pernyataan 13

S70 Pernyataan di atas merujuk kepada prinsip Rukun Negara yang

- A kedua
- B kelima
- C pertama
- D keempat

Soalan 71 berdasarkan Pernyataan 14

Sebagai seorang warganegara Malaysia, Suhaimi mengamalkan integriti dalam melaksanakan tugas di samping menekankan kepada kecemerlangan atas setiap tugas yang dilakukan. Pada masa yang sama, beliau sentiasa rendah hati dan menerima apa yang telah ditentukan untuknya.

Pernyataan 14

- S71** Suhaimi mengamalkan nilai-nilai yang wujud dalam
- A 1Malaysia
 - B Islam Hadhari
 - C Rukun Negara
 - D Wawasan 2020
- S72** Pilih pernyataan yang benar mengenai perjuangan menentang penjajahan British di Perak
- I Sultan Perak, Sultan Abdullah turut memberikan kerjasama dalam komplot pembunuhan J.W.W Birch
 - II Pembesar Melayu yang terlibat dalam komplot pembunuhan J.W.W Birch adalah Dato' Maharajalela dan Dato' Sagor
 - III Residen British yang pertama Perak, iaitu J.W.W Birch mempunyai sikap yang tidak disenangi oleh pembesar Melayu
 - IV Akibat pembunuhan J.W.W Birch di Pasir Salak, Dato' Maharajalela, Dato' Sagor, Seputum dan Pandak Indut telah dihukum bunuh
- A I, II dan III
 - B I, II dan IV
 - C II, III dan IV
 - D Semua di atas
- S73** Antara tokoh berikut, yang manakah merupakan tokoh perjuangan negeri Sabah ?
- A Rentap
 - B Banting
 - C Antanum
 - D Penghulu Asun
- S74** Berikut adalah tokoh yang mengetuai pemberontakan menentang British di negeri Pahang **kecuali**
- A Mat Kilau
 - B Tok Gajah
 - C Tok Janggut
 - D Dato' Bahaman

Soalan 75 berdasarkan Jadual 6

Jadual 6

Dato' Maharaja Lela	Perak
Dol Said	Naning
Mat Salleh	X
Abdul Rahman Limbong	Terengganu

- S75** Merujuk kepada padanan di atas, negeri manakah yang sepatutnya mengisi ruangan X ?
- A Sabah
 B Pahang
 C Sarawak
 D Kelantan
- S76** Semua tokoh berikut ialah pemimpin utama gerakan Kaum Muda di Tanah Melayu **kecuali**
- A Tahir Jalaludin
 B Ibrahim Yaakob
 C Abas Mohd Taha
 D Mohd Salim Al-Kalali
- S77** Pilih syarat-syarat yang benar dalam pembentukan Malayan Union 1946
- I Syarat kewarganegaraan adalah berdasarkan prinsip Jus Soli
 II Raja-raja Melayu menjadi raja kehormat yang hanya mempunyai kuasa ke atas adat istiadat dan hal ehwal agama Islam
 III Pesuruhjaya Negeri akan dilantik menjadi ketua pentadbir peringkat negeri dan dibantu oleh Majlis Mesyuarat Negeri
 IV Semua negeri Melayu, Melaka, Pulau Pinang dan Singapura disatukan di bawah pentadbiran kerajaan pusat yang diketuai oleh seorang Gabenor
- A I, II dan III
 B I, III dan IV
 C II, III dan IV
 D Semua di atas

- S78** Berikut merupakan langkah-langkah ke arah kemerdekaan Tanah Melayu 1957 kecuali
- A satu suruhanjaya dibentuk untuk mendraf Perlembagaan Persekutuan yang diketuai oleh Lord Reid
 - B pengekalan prinsip jus soli dalam perlembagaan dilakukan untuk memastikan sokongan orang bukan Melayu
 - C suatu rundingan diadakan di London telah dihadiri oleh empat orang wakil Parti Perikatan dan empat orang wakil raja-raja Melayu
 - D pilihanraya umum Tanah Melayu telah diadakan pada 27 Julai 1955 dengan tujuan melatih rakyat Tanah Melayu ke arah pemerintahan sendiri
- S79** Akhbar yang berperanan sebagai lidah orang Melayu dalam menyampaikan tentangan terhadap Malayan Union ialah
- A Majlis
 - B Saudara
 - C Al- Imam
 - D Panduan Guru
- S80** Pilih pernyataan paling tepat mengenai perlembagaan dan corak kerajaan Malaysia
- A Ketua eksekutif negara adalah Perdana Menteri
 - B Kuasa pemerintahan diagihkan di antara kerajaan pusat dan kerajaan negeri
 - C Sistem kerajaan adalah Demokrasi Berparlimen dan Raja Berperlembagaan
 - D Badan eksekutif, perundangan dan kehakiman merupakan tiga komponen utama kerajaan

- SOALAN TAMAT -